

# Mata pelajaran 'Minda Mahathir' di UiTM tahun depan

DUNGUN 28 Ogos — Universiti Teknologi Mara (UiTM) akan menjadikan pemikiran Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad sebagai salah satu mata pelajaran khusus dalam kurikulum di universiti itu tahun depan.

Naib Canselor UiTM, Datuk Seri Prof. Dr. Ibrahim Abu Shah berkata, mata pelajaran 'Minda Mahathir' ini mungkin menjadi kenyataan pada tahun hadapan apabila senat meluluskan cadangan itu.

"Apatah lagi asasnya telah ada, apabila secara tak rasmi pemikiran Perdana Menteri telah digunakan sebagai bahan pengajaran di fakulti komunikasi massa dan pentadbiran awam sejak sekian lama," ujarinya.

Katanya, UiTM telah membeli 7,000 naskhah Koleksi Minda Perdana Menteri bagi fasa pertama untuk diagihkan kepada 14 buah kampusnya yang menampung 100,000 pelajar di seluruh negara.

Beliau berkata, UiTM wajar mendepani usaha ini kerana Dr. Mahathir membawa pemikiran global dengan penuh berani dan yakin berasaskan kebenaran walaupun ada kalanya tidak popular.

"UiTM yang menampung paling besar bilangan anak Melayu dan mereka bakal menjadi pemimpin masa depan, menyambung aspirasi bangsa agama dan negara. Jika mereka gagal, gagallah bangsa," katanya.

Beliau menyatakan demikian kepada pemberita selepas majlis perasmian Penyerahan Koleksi Minda Perdana Menteri di kampus UiTM cawangan Terengganu, di sini hari ini.